

# Hermeneutik: Tafsiran Alaf Baharu Feminisme Muslim Dalam Menangani Permasalahan Gender

**BITARA**

Volume 4, Issue 3, 2021: 217-227  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Hermeneutic: New Version of Muslim Feminism Interpretation of Gender Issues]

Nik Zeenat Shabana Azhar<sup>1</sup> & Indriaty Ismail<sup>1\*</sup>

### Abstrak

Hermeneutik merupakan kaedah pentafsiran yang digunakan oleh kebanyakan pemikir liberalisme. Kaedah pentafsiran ini diangkat sebagai salah satu pendekatan yang baharu dalam menangani permasalahan dalam agama. Hal ini kerana pentafsiran yang dibuat adalah berdasarkan kepada kontekstual semasa berselisihan dengan apa yang dilakukan oleh pentafsir yang mu'tabar sebelum ini. Kajian ini memfokuskan kepada perbincangan mengenai pendekatan hermeneutik yang menjadi konsep utama pentafsiran feminism Muslim dalam perkara yang melibatkan permasalahan gender. Kajian ini dilakukan berdasarkan metode kualitatif analisis dokumen yang merujuk kepada bahan-bahan kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa golongan feminism Muslim merupakan golongan yang dipengaruhi oleh pemikiran Barat yang beracuankan pemikiran humanisme. Dibimbangi dengan tersebar luas pengaruh pemikiran Barat ini akan memberi kesan kepada kesalahfahaman terhadap ajaran al-Qur'an dan menyempitkan penerimaan al-Qur'an sebagai kitab yang universal. Sebaliknya mereka memandang al-Qur'an sebagai wahyu yang jumud dan tertutup serta tidak sesuai dengan perkembangan zaman. Hal ini akan membawa kepada kelahiran ramai generasi yang bebas mentafsirkan al-Qur'an tanpa merujuk kepada tafsiran yang diperjelaskan oleh para pentafsir terdahulu.

### Kata kunci:

Hermeneutik, tafsir, feminism Muslim, gender, keadilan.

### Abstract

Hermeneutic was the method of interpretation that applied by most of liberal scholars. This method of interpretation was selected as a new approach in the way to cope any religious issues. This matter happens because of the interpretation that they did were based on the contextual and it was contradict with the works of the authentic interpreter. This study focusing on the discussion of the hermeneutic approaches that has becomes as a main concepts in the Muslim feminism interpretation for gender issues. This study was based on qualitative method by document analysis which was referred to the library sources. Study found that the Muslim feminism were the group influenced by the Western thoughts as it comes from humanism thoughts. Worried with the fast spread of Western thoughts that will affect the misunderstandings of the Qur'an and minimizing the acceptance of the Qur'an as a universal revelation. Instead, they will thought that the Qur'an as a rigid and seems not

<sup>1</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

#### Corresponding Author:

INDRIATY ISMAIL, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

\*e-mel: [indriaty@ukm.edu.my](mailto:indriaty@ukm.edu.my)

suitable to be used for today. Thus, this will lead to the emergences of many interpreters that freely interpret the Qur'an without referring to the works that already done by the Muslim authentic interpreter.

**Keywords:**

Hermeneutic, interpretation, Muslim feminism, gender, justice.

**Cite This Article:**

Nik Zeenat Shabana Azhar & Indriaty Ismail. 2021. Hermeneutik: Tafsiran alaf baharu feminism Muslim dalam menangani permasalahan gender. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 217-227.

## Pengenalan

Kemunculan Feminisme Muslim ke dalam dunia Islam adalah sebagai fahaman yang dipengaruhi oleh gerakan feminism Barat di mana mereka sama-sama bangkit berjuang membela nasib kaum wanita, menuntut hak wanita dan mengangkat darjat kaum wanita yang ditindas oleh penguasaan kaum lelaki. Penentangan berlaku disebabkan oleh penerapan dan hasil didikan budaya yang telah diamalkan oleh nenek moyang mereka dahulu dan corak tersebut kekal sehingga ke hari ini. Ia dikenali sebagai patriarki iaitu kaum lelaki mendominasi segenap aspek kehidupan berbanding kaum wanita. Selain itu, dakwaan segelintir daripada feminis Muslim berpandangan bahawa budaya itu juga berlaku disebabkan kejumudan dalam pemahaman ayat al-Qur'an yang begitu memandang mulia dan mengangkat darjat kaum lelaki berbanding kaum wanita. Bagi mengatasi masalah ini daripada berterusan menganiaya dan menindas kaum wanita, sebahagian daripada golongan feminis telah mengambil langkah alternatif dalam mentafsirkan semula teks al-Qur'an melalui tafsiran hermeneutik (Duderija 2015: 46).

## Konsep Tafsiran Hermeneutik

Hermeneutik merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Yunani (Greek) iaitu *hermeneuin* yang bermaksud *to interpret* atau *to translate* iaitu untuk mentafsirkan atau menterjemahkan sesuatu (Reese 1980: 221). Frasa tersebut kemudian dikembangkan kepada perkataan *hermeneia* yang bermaksud pentafsiran, dan juga perkataan *hermeneutes* yang membawa maksud pentafsir. Hal ini selari dengan apa yang dinyatakan di dalam New Encyclopedia Britannica (1985: 874) yang mendefinisikan hermeneutik sebagai disiplin ilmu yang digunakan dalam mentafsirkan teks Bible. Selain itu, hermeneutik ini juga selalu dikaitkan dengan nama salah seorang dewa Yunani yang diutuskan oleh Zeus iaitu Hermes yang dikatakan sebagai utusan para dewa di langit yang membawa utusan kepada umat manusia di bumi (Ugi Suharto 2003: 124, Mazlan Ibrahim & Achmad Yaman 2010: 39, Nur Zainatul Nadra & et al. 2018: 682).

Istilah hermeneutik juga pernah wujud dalam karya Aristotle (384-322 Masihi) yang bertajuk *Peri Hermeneias* (360 Masihi) atau terjemahannya ke dalam bahasa Latin oleh Marius

Victorinus (290-364 Masihi) yang disebutkan sebagai *De Interpretatione* pada abad ke-4 Masihi serta turut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris iaitu *On the Interpretation*. Karya ini juga telah diterjemah oleh al-Farabi (872-950 Masihi) yang dinamakan dengan *Fi al-‘Ibarah* (t.th) sebelum ianya diterjemahkan kepada bahasa Latin (Ugi Suharto 2003: 124). Hermeneutik pada awalnya muncul untuk digunakan dalam bidang filologi lalu kemudiannya mula menapak ke dalam bidang teologi. Kaedah ini dibawa oleh pelopornya iaitu Friedrich Schleiermacher (1768-1834) yang merupakan seorang penganut mazhab Protestan Liberal. Kemudian hermeneutik ini diteruskan lagi oleh Wilhelm Dilthey (1833-1911), Martin Heidegger (1889-1976) dan Hans-Georg Gadamer (1900-2002) (M. Ilham Muchtar 2016).

Menurut Mohamad Hazwan & Muhammad Firdaus (2015), terdapat tiga jenis bentuk hermeneutik iaitu objektif, subjektif dan pembebasan. Hermeneutik objektif bermaksud tafsiran adalah memahami teks sebagaimana yang difahami oleh pengarangnya yang mana ia dikembangkan oleh Friedrich Schleiermacher, Wilhelm Dilthey dan Emilio Betti (1890-1968). Hermeneutik subjektif pula ialah tafsiran adalah bukanlah satu usaha untuk mencari makna objektif akan tetapi memahami apa yang terkandung pada teks itu sendiri yang mana ianya bersifat lebih terbuka dan dapat ditafsirkan oleh sesiapa sahaja. Hermeneutik subjektif dikembangkan oleh Hans-George Gadamer dan Jacques Derrida (1930-2004). Selain itu, hermeneutik pembebasan pula adalah salah satu yang dikembangkan oleh para modernis Muslim kontemporari yang mana ianya didasarkan hermeneutik subjektif daripada Gadamer yang mengatakan hermeneutik adalah gabungan pandangan yang terdahulu dan yang terkini.

Oleh itu, hermeneutik berperanan untuk menyampaikan makna untuk memahami teks sebagaimana yang difahami oleh para penulis teks tersebut (Jeandrond 1991: 39). Perkara ini boleh diterimakai bagi mereka yang beragama Kristian untuk memahami isi kandungan teks Bible sebagaimana ia merupakan teks manusawi yang menceritakan keadaan sejarah pada zaman tersebut. Selain itu, tafsiran hermeneutik juga menunjukkan bahawa tafsiran itu tidak tetap dan berubah-ubah mengikut keadaan semasa (Adian Husaini & Abdurrahman 2007: 16).

## Kemunculan Tafsiran Hermeneutik Terhadap al-Qur'an

Selepas peristiwa kewafatan Rasulullah SAW, lahir ramai golongan ilmuwan yang dikenali sebagai *mufassir* telah mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an dengan pemahaman yang lebih meluas sebagaimana perintah asal yang terkandung dalam penurunan wahyu al-Qur'an. Setiap penerangan dan pencerahan mengenai ayat-ayat al-Qur'an seperti ayat *mutasyabihat* mahupun *muhkamat* adalah sesuatu yang tetap dan berpandukan kepada hukum yang asal. Namun setelah mendepani dengan kemajuan atau modenisasi, pemikiran umat manusia juga turut berkembang seiring dengan perkembangan zaman.

Barbara Stowasser (1935-2012) salah seorang sarjana pertama yang mengkaji tentang perbahasan gender dalam pentafsiran moden. Beliau berpendapat bahawa kemodenan telah menimbulkan sedikit kekacauan dalam memahami teks. Oleh itu, ia memerlukan teks kanun yang berbeza buat golongan wanita (Mubarak 2014: 5). Hal ini jelas banyak berlaku pada masa kini lebih-lebih lagi muncul kelompok reformis atau pemikir kontemporari yang telah mengaplikasi kaedah pentafsiran hermeneutik terhadap al-Qur'an. Pendekatan tersebut diambil

sebagai alternatif dalam memperkenalkan keterbukaan untuk mentafsirkan ayat al-Qur'an mengikut perkembangan zaman.

Menurut Muhammad Ichsan (2014: 58) kumpulan feminis Muslim juga turut mendakwa bahawa al-Qur'an diturunkan berdasarkan kepada masyarakat pada masa tersebut yakni masyarakat Arab Jahiliah dan ianya sudah tidak lagi relevan pada masa kini. Dakwaan yang dinyatakan sama sekali tidak tepat kerana al-Qur'an merupakan sebuah kitab yang *universal*, tidak diturunkan kepada golongan Arab semata-mata, malah ia diturunkan kepada manusia seluruh alam. Melalui pendekatan hermeneutik, ia dapat membuka ruang kepada pejuang feminis untuk memperbaiki dan memperbarahu hukum yang dianggap tidak lagi sesuai untuk diguna pakai pada masa kini. Antaranya seperti perkahwinan beza agama, perintah menutup aurat yang melihatkan hukum yang ditetapkan oleh agama Islam merupakan satu penetapan yang tidak sesuai dengan perkembangan zaman (Adian Husaini 2007: 23-24).

Kumpulan feminis Barat mahupun Muslim tidak pernah sunyi daripada bekerja kepada kaum wanita. Usaha yang dilakukan adalah bertujuan memperjuangkan nasib kaum wanita Muslim daripada terus dikongkong dan terikat dengan tradisi dan pegangan yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Patriarki merupakan struktur kehidupan masyarakat yang dikuasai oleh lelaki dalam segenap aspek kehidupan yang menjadi adat dan budaya umat Islam dalam kehidupan iaitu memuliakan kaum lelaki berbanding kaum wanita. Pengamalan patriarki melihatkan gambaran wanita sebagai kumpulan yang lemah, tersisih dan keupayaannya terhad berbanding golongan lelaki yang bebas untuk melibatkan diri dalam pelbagai bidang dan melakukan pelbagai urusan kerja (Kaloi Abdul Rehman t.th: 75).

Oleh kerana itu, tafsiran hermeneutik dijadikan sebagai alternatif untuk mentafsirkan al-Qur'an dengan pemahaman yang lebih terbuka, tidak terlalu jumud dan tidak membela mana-mana pihak jantina malahan untuk membuktikan bahawa agama Islam sebagai agama yang adil kepada lelaki mahupun wanita (Kaloi Abdul Rehman t.th: 75). Sebagaimana kaedah hermeneutik terhadap teks Bible dapat meleraikan permasalahan yang membenggu kaum wanita, hal yang sama juga telah diaplikasikan terhadap kitab al-Qur'an sebagai satu cara untuk mengatasi tafsiran yang berunsurkan patriarki (Thistlethwaite 1985). Tafsiran yang sedemikian hanyalah satu tafsiran yang lebih menitik beratkan kepada pihak lelaki sahaja, tidak menguntungkan kepada kedua-dua pihak (Gerstein 2012: 1).

Berdasarkan prinsip feminis, kesemua teks wahyu adalah sama dan tidak ada yang suci padanya. Setiap teks tersebut mempunyai keaslian dan keabsahannya tersendiri (Muhammad Ichsan 2014: 60). Pendekatan yang dilakukan adalah meneliti dengan lebih mendalam apa yang tidak seimbang pada tafsiran yang telah dilakukan oleh para *mufassir* yang terdahulu. Hal ini kerana mereka, golongan feminis Muslim berpendapat bahawa al-Qur'an seharusnya menyampaikan ajaran yang berkesan kepada umat manusia misalnya berlaku adil tanpa mengira jantina (Barbato 2017: 27).

Tafsiran hermeneutik feminis Barat juga telah diadaptasikan oleh feminis Muslim sebagai disiplin ilmu dalam mentafsirkan al-Qur'an menurut perspektif wanita (Barbato 2017: 17). Golongan feminis Muslim berpandangan bahawa hermeneutik terhadap al-Qur'an merupakan metodologi yang sama dengan *'ulum al-tafsir* yang dikembangkan oleh para ulama terdahulu. Akan tetapi, hermeneutik yang ditawarkan kelompok feminis Muslim merupakan

subjek yang sangat asing dan berbeza dengan apa yang dilakukan oleh para ilmuwan Islam yang masyhur pada zaman *tabi<sup>c</sup>* *tabi<sup>c</sup>in* terdahulu (Mohd Anuar Ramli & et al. 2013: 186-191).

Selain itu, metodologi hermeneutik yang digunakan adalah untuk merekonstruksi semula dan memperkembangkan lagi tafsiran sedia ada yang dianggap jumud dan tidak mesra gender disebabkan oleh kebanyakan tafsiran yang dibuat adalah yang dikarang oleh kebanyakan *mufassir* lelaki. Rombakan tafsiran yang baharu ini dikenali sebagai tafsiran feminis kerana ia merupakan tafsir yang mesra gender dan terbuka kerana ia boleh ditafsirkan oleh kedua-dua jantina sama ada oleh lelaki ataupun wanita. Ia merupakan tafsiran yang diklasifikasikan sebagai tafsir *maudu<sup>i</sup>*. Selain daripada itu, turut masyhur juga dengan bentuk pentafsiran al-Qur'an yang lain iaitu tafsir *ijmali*, *tahlili* dan juga *muqarin* (Mohd Anuar Ramli & et al. 2013: 186-191).

Menurut Nasr Hamid Abu Zayd (1943-2010) (1999) tafsiran hermeneutik merupakan satu cara kontemporari dalam mentafsirkan teks agama yang bertujuan sebagai membebaskan manusia daripada belenggu hukum yang ditetapkan oleh agama dan juga budaya pada masa lampau. Misalnya dalam agama Islam, kaum wanita menuntut keadilan ke atas mereka kerana merasakan hukum yang ditetapkan dalam al-Qur'an sebagai menindas dan menzalimi wanita seperti penetapan kadar wasiat harta pusaka dan tuntutan supaya mereka menutup aurat yang dianggap sebagai suatu yang membatasi kebebasan mereka. Oleh kerana itu, pentafsiran hermeneutik telah dipilih sebagai menggantikan metode pentafsiran al-Qur'an yang telah dilakukan oleh para ilmuwan tafsir atau *mufassir salafi* yang lahir dalam mengembangkan ilmu tafsir yang mula menapak di dalam dunia Islam sejak zaman Rasulullah SAW lagi (Nur Zainatul Nadra & et al. 2018: 682-683).

Selain daripada Nasr Hamid Abu Zayd yang mencadangkan metodologi tafsiran hermeneutik terhadap al-Qur'an, juga terdapat beberapa individu lain lagi yang dikenali sebagai feminis Muslim turut melakukan hal yang sama dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Antaranya seperti Riffat Hassan (1943-), Amina Wadud (1952-) dan Asma Barlas (1950-) yang muncul pada sekitar tahun 1990-an. Usaha tafsiran hermeneutik feminis Muslim yang dilakukan itu adalah bertujuan untuk mengangkat martabat dan membela hak sama rata dan keadilan antara lelaki dan wanita (Hidayatullah 2014: 116). Tambahan itu, Abdullahi Ahmed al-Naim (1946-) (2011) menyatakan bahawa proses hermeneutik adalah suatu kaedah yang diperlukan dalam memahami isi kandungan sesebuah teks seperti al-Qur'an dan Bible. Oleh itu, hermeneutik memainkan peranan penting dalam isu yang melibatkan hal kewanitaan seperti peranan wanita kerana ia ditentukan melalui pentafsiran teks. Seiring dengan zaman yang kian terkehadapan, ia menjadi satu keperluan untuk mentafsirkan semula teks agar sesuai dengan konteks wanita pada hari ini (Barbato 2017: 11).

Tujuan metodologi hermeneutik ini digunakan dalam pentafsiran teks al-Qur'an yang hanya melihat kepada kerangka sejarah pentafsiran teks yang dilakukan dengan memfokuskan kepada isi kandungan, penggunaan gaya bahasa dan juga keadaan sejarah (Barbato 2017: 15). Selain itu, hermeneutik juga berpotensi untuk membangunkan pentafsiran yang bersifat bukan patriarki (*non-patriarchal*) dan bebas. Selari dengan pendirian utama feminis Muslim yang berlawanan dengan tafsiran yang sedia ada, yakni tafsiran yang bersifat patriarki (Duderija 2015: 46).

Tafsiran hermeneutik terhadap al-Qur'an melalui usaha yang dilakukan kumpulan feminis Muslim terjadi pada ayat-ayat tertentu sahaja yang melibatkan hal-hal berkaitan dengan hak yang selayaknya diberikan kepada kaum wanita. Golongan feminis Muslim banyak mempersoalkan tentang beberapa isu seperti penciptaan wanita selepas Adam, isu perwarisan harta, isu dalam perkara munakahat iaitu poligami, perceraian, perkahwinan beza agama serta isu aurat wanita. Melalui kajian ini, perbincangan dilakukan berdasarkan kepada beberapa isu sahaja seperti isu perwarisan harta dan perkahwinan beza agama.

## Faktor Penggunaan Tafsiran Hermeneutik dalam Permasalahan Gender

Terdapat beberapa faktor yang mendorong golongan feminis Muslim untuk mengambil pendekatan tafsiran hermeneutik terhadap permasalahan gender iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Menurut Mohd Anuar & et al. (2013: 191) faktor dalaman yang mendorong feminis Muslim dalam menghasilkan tafsir aliran feminis adalah kerana sifat khas al-Qur'an itu sendiri. Al-Qur'an yang bercirikan dengan *multi facet* dan *multi interpretable* di mana ia membuka ruang untuk ditafsirkan kepada beberapa perspektif dan dimensi. Oleh kerana itu, ramai daripada ahli sarjana kontemporari memberikan nafas baharu kepada tafsiran al-Qur'an, lebih-lebih lagi dalam menghasilkan sebuah tafsiran yang mesra gender.

Manakala daripada faktor luaran pula adalah disebabkan oleh perubahan sosio-budaya dan kesedaran sensitiviti gender kesan gerakan feminis (Mohd Anuar & et al. 2013: 191). Perubahan sosio-budaya masa kini telah menimbulkan isu mengenai permasalahan gender. Berdasarkan perspektif feminis, ketidakadilan gender adalah disebabkan oleh kedudukan wanita pada dua zaman yang berbeza. Dibandingkan dengan masa kini, kaum wanita pada hari ini lebih terdedah dan berinteraksi dengan masyarakat sosial. Kontradiksi ini membentuk jurang yang begitu besar sehingga mendakwa bahawa tafsiran yang sedia ada perlu diberikan nafas baharu agar ianya dapat membendung isu keadilan dan kesetaraan gender.

Selain itu, faktor kesedaran sensitiviti gender juga menjadi faktor penyumbang kepada tafsiran yang diusahakan oleh golongan feminis Muslim. Kemunculan golongan *mufassir* wanita adalah berpunca daripada peluang pendidikan yang sama rata yang diberikan kepada lelaki dan wanita. Ditambah pula dengan kemasukan pemikiran aliran Barat ke dalam disiplin ilmu fiqh dan tafsir, telah membuka pintu dan ruang bagi mereka untuk memberi pandangan dan idea yang baharu. Oleh kerana itu, hermeneutik telah dijadikan sebagai senjata bagi feminis Muslim dalam usaha mereka untuk merekonstruksi dan dekonstruksi terhadap keilmuan Islam (Mohd Anuar & et al. 2013: 191).

## Isu-Isu Tafsiran Hermeneutik dalam Permasalahan Gender

Sekalipun kedatangan sinar syiar Islam yang menapak masuk hingga ke hari ini telah banyak menyelamatkan kaum wanita daripada ditindas dan dizalimi oleh golongan yang jahil, ia tetap tidak memuaskan hati segelintir individu terhadap beberapa perkara yang melibatkan permasalahan gender terutamanya pada masa kini. Isu-isu yang diketengahkan oleh golongan

feminis terutamanya feminis Muslim adalah untuk menyelaraskan ketidaksamaan hak di antara lelaki dan perempuan. Siti Musdah Mulia (1958-) (2007: 58-59) menyatakan beberapa faktor yang mencetuskan permasalahan gender terutamanya buat kaum wanita. Pertamanya adalah disebabkan oleh budaya patriarki yang berakar dalam masyarakat majmuk. Kedua, ia berpunca daripada majoriti tafsiran ajaran agama yang bersifat bias gender dan patriarki. Manakala faktor ketiga adalah kerana hegemoni negara yang dominan. Oleh itu, isu-isu yang dikemukakan berperanan sebagai tindak balas atau *counter back ideology* yang sedia ada.

Isu-isu dalam permasalahan gender ini ditafsirkan melalui pendekatan hermeneutik kerana ia akan memberi penjelasan kepada perkara yang tidak diterima oleh segelintir umat Islam. Lebih-lebih lagi ada yang berpandangan bahawa al-Qur'an merupakan *muntaj thaqafi* atau karya budaya yang memerlukan pendekatan hermeneutik dalam pentafsiran. Antara isu yang dibangkitkan adalah mengubah pemahaman dalil *qat'i* kepada dalil *zhanni*. Umum mengetahui bahawa dalil *qat'i* merupakan dalil penetapan hukum yang tetap dan tidak akan ada kepelbagaiannya pendapat. Maka hukum yang disabitkan itu adalah tetap sama dan tidak akan berubah mengikut konteks semasa.

Mansour Fakih (1953-2004) antara individu yang memperjuangkan perihal gender ini telah merubah beberapa tafsiran pada ayat al-Qur'an seperti yang terdapat pada ayat 11 surah al-Nisa'. Pada mulanya beliau yakin dan berpegang bahawa dalil *qat'i* merupakan dalil yang tidak datang dengan banyak pendapat, akan tetapi beliau telah mentafsirkan semula ayat tersebut melalui pendekatan kontekstual dengan memberikan pemahaman mengenai struktur dan sistem sosial (Muchammad Ichsan 2014: 63). Mansour Fakih berpandangan bahawa tanpa memahami konteks di mana ayat tersebut diturunkan dan bagaimana dengan sistem dan struktur sosial pada masa penurunan ayat tersebut, akan menyisihkan satu pihak yang berlainan pegangan terutamanya kepada kaum wanita. Pandangan beliau itu telah memanggil beliau untuk mentafsirkan semula ayat al-Qur'an agar ia seiring dengan keadaan semasa (Fakih 1996: 33-34).

Selain itu, Siti Musdah Mulia juga menggunakan pendekatan yang sama iaitu pemahaman kontekstual pada surah al-Mumtahanah ayat 10, yang merupakan dalil larangan bagi orang Muslim untuk berkahwin beza agama. Siti Musdah Mulia berhujah bahawa jika difahami menurut konteks semasa, ia merupakan larangan yang diperintahkan pada zaman itu sahaja di mana zaman penurunan ayat tersebut. Pada zaman tersebut puak Quraisy begitu memusuhi Baginda Rasulullah SAW dan para pengikutnya. Hal ini bertujuan untuk membezakan yang mana pihak kawan mahupun lawan dalam sesebuah peperangan. Oleh kerana tidak lagi berlaku peperangan pada zaman kini, maka larangan tersebut atau penetapan hukum itu terbatal dengan sendirinya (Siti Musdah Mulia 2005: 63).

Oleh itu, pendekatan tafsiran secara kontekstual ini tidak sesuai untuk digunakan dalam mentafsirkan al-Qur'an. Lebih-lebih lagi ia telah membuka ruang untuk mengubah penetapan sesuatu hukum yang tetap seperti menukar hukum haram kepada hukum halal. Ini kerana mereka berpendapat bahawa ayat al-Qur'an atau hadith yang diturunkan pada golongan dan zaman tersebut, tidak lagi sesuai untuk diguna pakai pada masa kini (Muchammad Ichsan 2014: 66).

## Ketidaksesuaian Hermeneutik pada Pemahaman al-Qur'an

Terminologi tafsiran hermeneutik adalah tidak sesuai untuk diguna pakai terhadap usaha-usaha mentafsir al-Qur'an sebagaimana yang dilakukan oleh golongan feminis Muslim. Ini kerana metode pentafsiran al-Qur'an yang asal hanyalah seperti yang dibawa oleh *mufassir* yang masyhur. Tafsiran hermeneutik pada asalnya merujuk kepada metode pentafsiran yang digunakan oleh Hermes yang berperanan untuk menyampaikan wahyu kepada umat beliau. Penggunaan metodologi hermeneutik dalam mentafsirkan al-Qur'an bukanlah satu alternatif yang tepat meskipun al-Qur'an dan Bible merupakan kitab suci yang menjadi sumber rujukan agama Islam dan Kristian.

Kaedah pentafsiran al-Qur'an yang sebetulnya adalah melalui *afsir bi al-ma'thur* dan *tafsir bi al-ra'yi*. Tafsir, merupakan kata kerja *fassara* yang membawa maksud ‘untuk menerangkan’ atau ‘untuk menjelaskan’. Shaykh Manna Khalil al-Qattan (1925-1999) menyebutkan tafsir bermaksud ‘menjelaskan atau menyingkap sesuatu yang tertutup’ (al-Qattan 1994: 45). Selain itu, tafsir juga disebutkan sebagai ‘takwil’ sepertimana menurut pandangan ulama *mutaqaddimin* (terdahulu). Akan tetapi, pandangan ulama *mutaakkhirin* (terkemudian) bahawa ‘tafsir’ dan ‘takwil’ merupakan dua perkara yang berbeza. Pandangan yang mengatakan tafsir dan takwil adalah sama kerana kedua-duanya memberikan penjelasan mengenai ayat al-Qur'an. Pandangan yang menyatakan kedua-duanya berbeza kerana tafsir berperanan menjelaskan tentang makna zahir yang terdapat pada ayat al-Qur'an manakala takwil memberi penjelasan tentang makna yang batin (Ali Akbar 2005: 55).

Manhaj tafsir ini mula diperkenalkan dan diamalkan sejak zaman Baginda Rasulullah SAW masih hidup lagi di mana Baginda menjadi tempat rujukan para sahabat sekiranya berlaku kekhilafan dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an. Berdasarkan kepada ayat al-Qur'an dalam surah al-Nahl menyebutkan: (Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan Kami turunkan pula kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya (al-Qur'an, al-Nahl 16: 44).

Berdasarkan dalil tersebut jelas bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT untuk mentafsirkan dan menjelaskan ayat al-Qur'an. Walaupun setelah Baginda Nabi Muhammad SAW wafat, kerja-kerja pentafsiran al-Qur'an ini tetap diteruskan oleh beberapa sahabat Baginda, *tabi'in*, *tabi'tab'iin* dan juga ulama tafsir yang lain dengan mentafsirkan al-Qur'an dan menyampaikan pemahaman mereka terhadap ajaran yang terkandung pada al-Qur'an kepada seluruh umat Islam (Ali Akbar 2005: 56).

*Tafsir bi al-ma'thur* adalah kaedah pentafsiran al-Qur'an dengan ayat al-Qur'an yang lain mengikut kepada kesesuaian perbahasan yang hendak ditafsirkan. Al-Sunnah atau hadis-hadis Rasulullah SAW juga turut dijadikan sandaran dan penguat kepada perbahasan dalam pentafsiran al-Qur'an. Selain itu, ijtihad dan penjelasan para sahabat dan *qawl tabi'in* juga turut dijadikan sebagai dasar dalam mentafsirkan ayat al-Qur'an kerana mereka dikategorikan sebagai individu yang banyak mengetahui perihal al-Qur'an. Manakala *tafsir bi al-ra'yi* pula merupakan pentafsiran al-Qur'an yang datang daripada pendapat dan ijtihad peribadi pentafsir itu sendiri yang didasarkan kepada ketentuan-ketentuan ilmu al-Qur'an seperti *asbab al-nuzul*,

*nasikh wa al-mansukh* dan sebagainya serta berpengetahuan tentang ilmu bahasa Arab (Ali Akbar 2005: 57).

Metode-metode pentafsiran tersebut merupakan metode yang telah lama kukuh dalam ilmu Islam. Oleh itu, penggunaan metodologi hermeneutik ditolak oleh majoriti orang Islam dalam mentafsirkan ayat al-Qur'an kerana hermeneutik dan tafsir itu berbeza dalam ilmu Islam. Meskipun ia merupakan terminologi yang memberi erti 'mentafsirkan', namun tujuan antara kedua-duanya adalah tidak sepadan untuk berada pada pentas ilmu yang sama. Selain itu, hermeneutik merupakan satu 'produk' yang diperkenalkan oleh Barat yang bertujuan untuk mengelirukan pemahaman umat Islam serta menghancurkan kesatuan Islam terhadap suatu ketetapan hukum yang *qat'i*. Perkara ini juga boleh mendorong umat Islam kepada meragukan kemaslahatan dan kesucian al-Qur'an yang telah disepakati oleh seluruh umat Islam di seantero dunia meskipun mereka terdiri daripada kepelbagaian mazhab dan fahaman akidah seperti Sunni, Syiah dan sebagainya. Penggunaan metodologi hermeneutik dalam skop pentafsiran hanya dapat diaplikasikan ke atas teks Bible sahaja kerana Bible dianggap sebagai teks yang direka oleh manusia. Hal ini berbeza dengan kedudukan al-Qur'an bagi umat Islam kerana al-Qur'an merupakan sebuah kitab wahyu yang diutuskan oleh Allah SWT kepada seluruh umat Islam dan selayaknya beriman kepadanya tanpa sebarang keraguan (Ugi Suharto 2003: 134).

Penggunaan hermeneutik terhadap teks Bible dilihat dapat membuka mata penganut agama Kristian dengan meluaskan pemahaman dan penerimaan mereka serta mendatangkan kemajuan dan kebebasan dalam berfikir. Sekiranya penggunaan metodologi hermeneutik terhadap ayat-ayat al-Qur'an ini tidak dikawal dan dipantau, dibimbangi ia akan lebih mengeruhkan lagi pemahaman umat Islam khususnya masyarakat awam yang kurang dalam memahami ajaran-ajaran yang terkandung pada al-Qur'an. Implikasi daripada itu, ia memberi satu gambaran yang tidak baik kepada imej umat Islam yang tidak bersatu dalam berpegang teguh kepada ajaran agama Islam yang dibawa oleh utusan Nabi Muhammad SAW. Selain itu, ia memberikan suatu *reverse condition* terhadap pemikiran umat Islam di mana akan berlakunya kejahilan dan kemunduran sebagaimana gambaran pada zaman jahiliyah yang lampau.

## Kesimpulan

Agama Islam mengajar umatnya untuk tidak membeza-bezakan antara jantina lelaki ataupun perempuan. Malahan, Islam menyeru umatnya untuk menghormati, menyantuni dan melayan kaum wanita dengan baik. Hal ini membuktikan bahawa segala ajaran atau penetapan hukum ke atas kaum wanita bukanlah satu penindasan atau penghalang bagi kaum wanita untuk turut memberi sumbangsan dan terlibat dalam kehidupan bermasyarakat. Kaum wanita sememangnya banyak menyumbang kepada pelbagai aspek kehidupan, bahkan turut meningkatkan taraf kehidupan yang lebih baik. Pengekangan permasalahan gender ini tidak bermaksud ia sebagai satu tindakan yang merendah-rendahkan martabat kaum wanita atau menafikan hak keadilan ke atas mereka. Akan tetapi apa yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an merupakan satu penetapan yang selayaknya buat kaum wanita.

Tambahan pula dengan usaha yang dilakukan oleh golongan feminis Muslim yang mentafsirkan semula ayat-ayat al-Qur'an kepada tafsiran yang mesra gender, ia diibaratkan sebagai satu senjata yang merbahaya kepada pemikiran umat Islam dalam memahami ayat al-

Qur'an umumnya kepada masyarakat yang mudah terpengaruh dengan agenda yang diperjuangkan oleh golongan feminis Muslim. Natijahnya, bukan sekadar menggugat keharmonian antara lelaki dan perempuan bahkan lebih dahsyat daripada itu seperti mempertikaikan kesucian kitab al-Qur'an.

Oleh itu, seharusnya kita menjadikan Islam sebagai *qudwah* dalam kehidupan dengan memahami dan memperkuat setiap ajaran agama Islam seperti yang terkandung pada kitab al-Qur'an dengan *manhaj* yang betul dan tepat. Bukan berlaku sebaliknya di mana telah lahir ramai individu pada masa kini yang berpendirian dengan acuan Barat yang memperjuangkan keadilan dan kesetaraan gender.

## Rujukan

### *Al-Quran al-Karim*

- Adian Husaini & Abdurrahman al-Baghdadi. 2007. *Hermeneutika & Tafsir al-Qur'an*. Jakarta: Gema Insani.
- Ali Akbar. 2005. Tawaran Hermeneutika untuk Menafsirkan al-Qur'an. *Jurnal Wacana* 7(1): 50-66.
- An-Na'im, Abdullahi Ahmed. 2011. *Muslims and Global Justice*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Barbato, Crystal. 2017. Redefining Gender Roles: Developing Relationships Between Sacred Texts and Feminism. Tesis Sarjana. Uppsala Universitet: Sweden.
- Duderija, Adis. 2015. Toward a Scriptural Hermeneutics of Islamic Feminism. *Journal of Feminist Studies in Religion* 31(2): 45-64.
- Fakih, Mansour. 1996. Posisi Kaum Perempuan dalam Islam: Tinjauan Analisis Gender. *Jurnal Tarjih* 1: 22-37.
- Gerstein, Samantha. 2012. *Feminist Biblical Interpretation*. [https://www.artsci.uc.edu/content/dam/artsci/departments/judaic%20studies/Docs/Capstone\\_Final.pdf](https://www.artsci.uc.edu/content/dam/artsci/departments/judaic%20studies/Docs/Capstone_Final.pdf). [22 Februari 2019].
- Hidayatullah, Aysha A. 2014. Feminist Interpretation of the Qur'an in A Comparative Feminist Setting. *Journal of Feminist Studies in Religion* 30 (2): 115-129.
- Jeandrond, Werner G. 1991. *Theological Hermeneutics*. London: Macmillan Academic and Professional Ltd.
- Kaloi Abdul Rehman. t.th. Islamic Liberation Theology: Qur'anic Hermeneutics for the Challenges of the Modern Age. *Islam And Civilisational Renewal*: 66-81
- Mazlan Ibrahim & Achmad Yaman. 2010. *Penyelewengan Tafsir al-Quran: Kritikan Terhadap Buku Fiqih Lintas Agama*. Selangor: Penerbit UKM.
- Mohamad Hazwan Hamri & Muhammad Firdaus Hj Abdul Manaf. 2015. Metodologi Hermeneutika Dalam Mentafsir al-Quran. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah Anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Antarabangsa Islam Selangor. Kuala Lumpur, 12-13 Oktober.
- Mohd Anuar Ramli, Paizah Hj Ismail & Muhammad Ikhlas Rosele. 2013. Tafsir Feminis: Antara Rekonstruksi Tafsiran Mesra-Gender dengan Dekonstruksi Tafsiran Ulama Klasik. *Proceedings of the 3<sup>rd</sup> Annual International Quranic Conference 2013*, hlm. 186-205.

- Mubarak, Hadia. 2014. Intersections: Modernity, Gender and Qur'anic Exegesis. Disertasi Dr. Fal, Georgetown University, Washington D.C.
- Muchammad Ichsan. 2014. Gender Analysis on Islamic Texts: A Study on Its Accuracy. *GJAT*. 4(1): 57-68.
- Nur Zainatul Nadra Zainol, Latifah Abdul Majid & Faizulamri Md Saad. 2018. An Overview on Hermeneutics Method Application to the Quran by Muslim Thinkers. *International Journal of Engineering & Technology* 7 (3.25): 681-684.
- Al-Qattan, Manna Khalil. 1994. *Studi Ilmu-Ilmu Qur'an*. Terj Mudzakir A.S. Jakarta: PT. Pustaka Litera Antarnusa.
- Reese, W.L. 1980. *Dictionary of Philosophy and Religions – Eastern and Western Thought*. Sussex: The Harvester Press Limited.
- Siti Musdah Mulia. 2005. *Muslimah Reformis*. Bandung: Mizan.
- Siti Musdah Mulia. 2007. *Islam dan Inspirasi Kesetaraan Gender*. Yogyakarta: Kibar Press.
- Thistlewaite, Susan Brooks. 1985. *Every Two Minutes: Battered Women and Feminist Interpretation*. Dlm. Letty M. Russell (pnyt.). *Feminist Interpretation of the Bible*. Philadelphia: The Westminster Press.
- Ugi Suharto. 2003. Apakah al-Qur'an Memerlukan Hermeneutik? Wacana dalam Seminar Nasional Hermeneutika al-Qur'an: Pergulatan Tentang Penafsiran Kitab Suci Anjuran Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, 10 April. *Jurnal Usuluddin* 17: 123-136.